

NO. SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8255

SOALAN:

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah usaha untuk membina sebuah balai polis baru bagi menggantikan bangunan yang lama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

IPD Lawas mula digunakan sejak tahun 1977 dan mempunyai sejumlah 64 unit kuarters dengan pecahan seperti berikut :

- a. Kelas 'C' 1 unit ;**
- b. Kelas 'D' 2 unit ;**
- c. Kelas 'G' 57 unit ; dan**
- d. Kelas 'H' 4 unit.**

IPD ini beroperasi dengan kekuatan seramai 96 orang pegawai dan anggota pelbagai pangkat serta 24 orang pegawai awam. IPD ini sememangnya memerlukan penaiktarafan sejajar dengan konsep moden selain memberikan kemudahan yang lebih selesa kepada petugas di atas tapak seluas 42.75 ekar. Kementerian Dalam Negeri telah menyenaraikan projek Balai Polis ini dalam RMK10 namun telah digugurkan kerana kekangan peruntukan kewangan. Bagi status semasa, projek ini telah disenaraikan dan dimasukkan ke dalam RMK11 RP1 Tahun 2016-2017.